# KUMPULAN WANG PINJAMAN (PROJEK PEMBANGUNAN PERBADANAN STADIUM-STADIUM NEGERI KEDAH) 1982

# LOAN FUND (DEVELOPMENT PROJECTS OF THE KEDAH STATE STADIUM CORPORATION) 1982

**5/82**

NEGERI KEDAH

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jld. 25
Bil. 24

**25hb November, 1982**

*TAMBAHAN No. 2*
*ENAKMEN*

Enakmen ini, yang diluluskan di dalam Dewan Negeri, Negeri Kedah pada 18hb September, 1982 diisytiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactments, passed in the Legislative Assembly, Kedah on the 18th day of September, 1982 are published for general information:


| Enakmen No. | Nama | Muka |
|---|---|---|
| 4. | Enakmen Peruntukan Tambahan Yang Kedua Tahun 1982 ... ... ... ... ... ... | 17 |
| | Second Supplementary Supply Enactment 1982 ... | 19 |
| 5. | Enakmen Kumpulan Wang Pinjaman (Projek Pembangunan Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah) Tahun 1982 ... ... ... ... ... | 21 |
| | Loan Fund (Development Projects of the Kedah State Stadium Corporation) Enactment 1982 ... | 23 |

**KEDAH**

# ENAKMEN No. 5 TAHUN 1982

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

HAJI ABDUL HALIM,
*Sultan Negeri Kedah*

*22hb Muharam, 1403.*

*8hb November, 1982.*

Suatu Enakmen untuk membenarkan Kerajaan Negeri ini meminjam wang tiada lebih daripada dua puluh juta ringgit ($20,000,000.00) daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Projek Pembangunan Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah.

[ ]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Majlis Undangan Negeri Kedah seperti berikut:

**Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kumpulan Wang Pinjaman (Projek Pembangunan Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah) Tahun 1982 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan.

**Kuasa meminjam wang daripada Kerajaan Persekutuan.**

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, Kerajaan Negeri adalah dengan ini dibenarkan meminjam sejumlah wang daripada Kerajaan Persekutuan yang tidak lebih daripada dua puluh juta ringgit ($20,000,000.00) mengikut had-had dan syarat-syarat yang dipersetujui di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Pinjaman akan dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

3. Wang pokok yang dipinjam menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini berserta dengan semua faedah dan lain-lain perbelanjaan adalah dengan ini dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Penggunaan pinjaman.

4. Semua wang yang dipinjam menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini hendaklah digunakan bagi maksud-maksud membiayai Projek Pembangunan Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pembayaran balik.

5. Semua wang yang dipinjam menurut had-had dan syarat-syarat Enakmen ini berserta dengan semua faedah dan lain-lain perbelanjaannya hendaklah dibayar balik menurut had-had dan syarat-syarat yang dipersetujui di antara Kerajaan Negeri ini dan Kerajaan Persekutuan menurut Seksyen 2 dan hendaklah diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri dan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan pada tiap-tiap tahun kewangan di mana semua wang yang kena dibayar di dalam tahun itu.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 30hb Zulkaedah, 1402 bersamaan dengan 18hb September, 1982.

ISMAIL BIN OMAR,
*Setiausaha, Dewan Undangan Negeri Kedah*

[PSU(K) 771/1376 Jd. IV.]

KEDAH

# ENACTMENT No. 5 OF 1982

I ASSENT,

HAJI ABDUL HALIM,
*Sultan of Kedah*

(STATE SEAL)

*8th November, 1982.*

*22nd Muharam, 1403.*

An Enactment to authorise the State Government to borrow a sum of money not exceeding twenty million ringgit ($20,000,000.00) from the Federal Government for the purpose of Development Projects of the Kedah State Stadium Corporation.

[ ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Kedah as follows:

**Short Title and commencement.**

1. This Enactment may be cited as the Loan Fund (Development Projects of the Kedah State Stadium Corporation) Enactment 1982 and shall be deemed to have come into force on the date of publication in the *Gazette*.

**Power to borrow from the Federal Government.**

2. The State Government is hereby authorised, subject to the provisions of this Enactment to borrow from the Federal Government a sum of money not exceeding twenty million ringgit ($20,000,000.00) on such terms and conditions as may be agreed upon between the State Government and the Federal Government.

**Loan to be charged upon the State Consolidated Fund.**

3. The principal monies borrowed under the provisions of this Enactment together with all interest and other charges thereon are hereby charged on the State Consolidated Fund.

Application of Loan. 4. All monies borrowed under the provisions of this Enactment shall be applied for the purpose of Development Projects of the Kedah State Stadium Corporation and for the purposes ancillary thereto.

Repayment. 5. All monies borrowed under the provisions of this Enactment together with all interests and other charges thereon shall be repaid in accordance with the terms and conditions agreed upon between the State Government and the Federal Government in accordance with Section 2 and there shall be appropriated out of the State Consolidated Fund and paid to the Federal Government in each financial year all sums due to be paid in that year.

Passed in the State Legislative Assembly this 18th day of September, 1982 corresponding to the 30th day of Zulkaedah, 1402.

ISMAIL BIN OMAR,
*Clerk of the State Legislative Assembly,*
*Kedah*

[PSU(K) 771/1376 Jd. IV.]

ALOR SETAR
DICETAK OLEH PENGARAH CAWANGAN DAN DIKELUARKAN DENGAN PERINTAH PADA
25HB NOVEMBER, 1982
*Harga 20 sen*